

29 OCT 2001

Parlimen-Dinar

KAJIAN SISTEM PEMBAYARAN ELEKTRONIK E-DINAR SEDANG DIJALANKAN

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan sedang menjalankan kajian bagi merangka satu mekanisme sistem pembayaran secara elektronik, e-Dinar bagi meningkatkan aliran dagangan antara negara-negara Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail berkata menerusi sistem e-Dinar yang dicadangkan itu, urusan antara syarikat-syarikat negara Islam akan menggunakan mata wang dinar.

"Ini adalah antara langkah dan usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk memartabatkan sistem mata wang Islam hingga ke peringkat antarabangsa dan sebagai satu pilihan di samping sistem mata wang konvensional," katanya ketika menjawab soalan M. Shukrimun Shamsudin (PAS-Kuala Nerus) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Katanya antara usaha untuk merealisasikan kewujudan mata wang dinar di kalangan negara Islam ialah mengadakan seminar oleh penaja mata wang dinar untuk menerangkan mengenai mata wang dinar dalam urusan secara lebih praktikal.

Beliau juga berkata Malaysia mencadangkan sistem mata wang dinar digunakan oleh negara-negara Pwertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya tidak terlalu bergantung kepada mata wang dolar Amerika dalam urusan antarabangsa.

"Ini adalah satu cara untuk memastikan bahawa sistem mata wang Islam dapat menjadi pilihan bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kepada orang bukan Islam," katanya sebagai menjawab soalan tambahan anggota yang sama.

Cadangan itu telah disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika simposium "Syar'iyah Dakwah Al-Barakah" pada 25 Jun lepas, katanya.

Hashim berkata penggunaan mata wang dinar yang dicadangkan itu juga dapat mengurangkan pergantungan negara kepada mata wang dolar Amerika yang ketika ini 80 peratus digunakan dalam urusan antarabangsa.

Usaha merintis penggunaan mata wang dinar merupakan lanjutan daripada langkah Malaysia memartabatkan ekonomi Islam sebelum ini termasuk mempelopori sistem perbankan, takaful dan pajak gadai berlandaskan Islam, katanya.

Beliau berkata, dunia memerlukan sistem mata wang alternatif dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini kerana sistem kewangan konvensional sangat terdedah kepada manipulasi dan spekulasi krisis mata wang antarabangsa.

"Ini menunjukkan bahawa sistem mata wang konvensional yang ada mempunyai kelemahannya sendiri, maka itulah sebabnya kerajaan kita mendahului negara lain mencadangkan supaya mata wang dinar digunakan," katanya sebagai menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Sarit Yusoh (BN-Temerloh).

-- BERNAMA

RZS RZS NMO